

Anwar beri impak besar pada Forum WEF 2025

Keupayaan PM bincang pelbagai isu serlah keunikan Malaysia dalam diplomasi global

Kuala Lumpur: Perdana Menteri dan Pengerusi ASEAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim, memberi impak besar di Forum Ekonomi Dunia (WEF) 2025 di Davos, Switzerland, berakhir kelmarin.

Beliau menyertai perbincangan daripada perbualan santai mengenai kelab bola sepak kegemarannya hingga kepada hubungan antarabangsa yang dinamik dan rumit serta cabaran dan kejayaan integrasi serantau.

Keupayaan Perdana Menteri mengimbangi perbualan menerusi perbincangan mempamerkan kedudukan unik Malaysia dalam diplomasi global, terutama apabila berurusan dengan negara-negara yang mempunyai ideologi politik dan dasar ekonomi berbeza.

Perbincangan pertama Anwar di WEF adalah dengan Pengerusi Bersama Manchester United Football Club (MUFC), Avram Glazer, mengenai matlamat Malaysia untuk sukan pada masa depan.

Anwar mula-mula menjawab bahawa sebagai peminat kelab berusia 147 tahun itu, beliau masih berharap kepada kebangkitan semula Manchester United dan enggan menukar pilihannya walaupun kelab itu berada di bahagian tengah carta liga dan semua 14 cucu beliau adalah penyokong Arsenal.

Menjawab soalan Glazer pada



Anwar pada sesi Plenari ASEAN sempena WEF 2025, di Davos, Switzerland.

(Foto BERNAMA)

sesi 'Country Strategy Dialogue' di luar Sidang Kemuncak Tahunan WEF 2025, Perdana Menteri menegaskan, kepentingan sukan di negara yang mempunyai pelbagai agama seperti Malaysia dan kepentingan mempromosikannya bukan sahaja sebagai industri, tetapi menggunakan sukan memupuk perpaduan.

Anwar yang juga Menteri Kewangan, turut menjawab soalan mengenai penstrukturan semula Malaysia Airlines dan langkah menambah baik di Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB), termasuk menaik taraf aero-train.

"Saya tidak sabar untuk segala-galanya berjalan lancar (di lapangan terbang) dan (ia) menjadi lebih cekap.

"Tiada alasan untuk lapangan terbang perlu berfungsi seperti sebelumnya walaupun ia baik berbanding lapangan terbang lain yang kurang berdaya saing.

"Bagaimanapun, masih ada ruang untuk penambahbaikan," katanya.

Topik lain yang turut disentuh Anwar termasuk perbincangan mengenai penjagaan kesihatan,

Kecerdasan Buatan (AI), Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ), menaik taraf sistem perundangan negara, perjanjian perdagangan bebas (FTA) serta keperluan untuk perjanjian itu merangkumi pendigitalan dan pandangan Malaysia mengenai tenaga nuklear.

Pada hari terakhir lawatan kerja tiga hari ke Davos untuk menghadiri sidang kemuncak WEF, Anwar turut membincangkan isu Myanmar dan bagaimana kegagalan tadbir urus di negara itu menjejaskan keamanan dan keselamatan di ASEAN.

Sebagai pengerusi ASEAN, Malaysia optimis dengan penuh berhati-hati mengenai kemajuan di Myanmar dan akan menyelaraskan usaha ke arah keamanan dan keselamatan bersama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Beliau berkata demikian pada sesi Plenari ASEAN bertajuk *Even Stronger Together*.

Keupayaan Perdana Menteri membincangkan pelbagai topik di beberapa platform dengan konsisten turut mempamerkan be-

liu sebagai pemedato hebat.

Pada setiap kesempatan, Anwar menegaskan komitmen Malaysia memperkukuh kerjasama dalam kalangan kuasa besar, sekali gus mengukuhkan peranan ASEAN dalam menangani cabaran ekonomi dan geopolitik yang mendesak.

Dalam kenyataan beliau mengenai isu dihadapi oleh ASEAN dan rantau ini terutama mengenai ketegangan di Laut China Selatan, Perdana Menteri menegaskan, sebarang penyelesaian perlu melalui usaha kerjasama dan bukan sebaliknya, tanpa mengambil kira pandangan dunia Barat mengenainya.

"Kami mempunyai isu yang belum selesai dengan Thailand, Indonesia, Singapura, Brunei dan Filipina. (Tetapi) kenapa masalah hanya dilihat dengan China?"

"Mereka berkata, 'Oh, adakah anda bersikap defensif?' Tidak, itu bukan isunya. Saya hanya menyatakan fakta. Adakah terdapat masalah? Ya, ada (masalah). Tetapi isu ini membabitkan seluruh rantau. Adakah kita akan berperang kerana ini? Tidak," tegasnya.

BERNAMA